

'Persaingan teknologi patut jadi agenda utama perbincangan'

'Perlumbaan' antara negara perlu dipastikan tak tingkat kos, halang kemajuan

Hainan (China): Persaingan teknologi seharusnya menjadi antara agenda utama untuk perbincangan pada peringkat tertinggi setanding wacana mengenai hal keselamatan dan ekonomi am, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, dengan perlumbaan semasa yang tertumpu kepada teknologi canggih seperti ditunjukkan dalam persaingan industri semikonduktor, pesaing yang akan mendahului dalam hal itu boleh menjadi sama ada produktif atau destruktif.

"Justeru, izinkan saya mengulangi persaingan yang tiada halangan mesti memberi laluan kepada kerjasama yang penuh semangat," katanya pada sesi pleno ketika Forum Boao bagi Persidangan Tahunan Asia 2023 (BFA 2023) di sini, semalam.

Anwar menegaskan, dalam memperakui keperluan setiap negara untuk melindungi hak harta inteleknya dan cuba terus mendahului persaingan, penghadang tertentu perlu diwujudkan.

"Ia supaya persaingan tidak membawa kepada perpecahan dalam dunia teknologi yang ha-

nya akan meningkatkan kos dan menghalang kemajuan," katanya.

Perdana Menteri memaklumkan, Malaysia memperkenalkan konsep Malaysia MADANI sebagai satu ekspresi hasrat untuk menempa laluan negara berdasarkan acuan sendiri kerana ia mewujudkan negara insani selaras nilai ketamadunannya.

"Dalam pengertian ini, ia juga falsafah negara kita yang berpaksikan enam nilai teras, iaitu kemampanan, kemakmuran, inovasi, rasa hormat, amanah dan belas kasihan," katanya lagi.

Daripada falsafah inilah, Anwar berkongsi pemikirannya mengenai cara mencapai perpaduan dan kerjasama untuk pembangunan di tengah cabaran.

Beliau berkata, dunia harus memberi tumpuan kepada nilai yang menyatukan rakyat sebagai keluarga insani dan bukan nilai yang memecahbelahkan.

"Etika, keikhlasan dan integriti dalam berurusan dengan rakan kongsi dalam situasi dua hala dan pelbagai hala harus diutamakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, konsep akauntabiliti demokrasi juga harus diutamakan dan bukan sekadar melontarkan slogan atau istilah 'demokrasi' yang digunakan sebagai cara mengkategorikan negara mengikut standard yang agak sembarangan.

"Pada fikiran saya, 'akauntabiliti demokratik' menyarankan pemimpin bertanggungjawab kepada semua lapisan rakyat, menyediakan taraf hidup yang lebih



Anwar bersama Perdana Menteri China, Li Qiang (kanan), Hsien Loong dan Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa, Kristalina Georgieva pada Forum Boao bagi BFA 2023 di Hainan, semalam. (Foto BERNAMA)

baik, ketelusan dalam proses membuat keputusan dan amalan menyeluruh tadbir urus yang baik dan berkesan," katanya.

Sementara itu, Anwar berkata, rakyat dengan bebanan terpaksa menyediakan makanan dan ketidaktentuan ketara serta mendesak juga tidak boleh dilupakan.

Beliau berkata, gaji atau upah masih kekal sebagai satu bentuk pendapatan utama bagi majoriti penduduk dunia, tetapi menurut Laporan Gaji Global Pertubuhan Buruh Antarabangsa 2022-2023, gaji atau upah dan kuasa beli isi rumah 'merosot dengan ketara' disebabkan COVID-19 dan inflasi global.

Dalam ketiadaan tindak balas

dasar yang mencukupi, katanya, masa depan terdekat akan menyaksikan kejatuhan mendadak dalam pendapatan benar dan peningkatan ketidaksamaan yang boleh mencetuskan lagi kekacauan sosial.

"Sehubungan itu, kita harus bekerjasama rapat dalam semangat kerjasama dan perpaduan, berusaha ke arah mengurangkan ketidaksamaan, menggalakkan keadilan sosial dan meningkatkan taraf hidup untuk semua.

"Sebagai penutup, sekiranya kita terus bekerjasama, bercakap dalam suara yang bersatu dan bertukar-tukar idea mengenai strategi dan amalan dasar ter- baik, kita boleh berusaha ke arah

Asia yang lebih kukuh dan berdaya tahan," tambahnya.

Forum Boao bagi Asia ialah organisasi bukan kerajaan dan bukan bermotifkan keuntungan antarabangsa yang dimulakan oleh 29 negara anggota dan Boao ialah tuan rumah tetap untuk persidangan tahunan itu.

Penyertaan Anwar dalam BFA 2023 juga bertepatan dengan ulang tahun ke-10 peningkatan Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-China sejak 2013.

Terdahulu, beliau mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di Hotel Boao Golden Coast.

BERNAMA